


Perjuangan rencam pelukis Mexico jadi sandaran pereka muda



FRIDA KAHLO: Pelukis Mexico ini mencetuskan semangat dalam diri Cik Izzaturrusyda (*gambar kiri*).
– Foto SAFE ART

JELAJAH DENGAN GRAFIK: Cik Izzaturrusyda Simatupang banyak mengumpul pengalaman menerusi pendedahan pada dunia kerja di bilik berita dan syarikat fesyen tempatan. Beliau juga menghasi kan anting-anting beridentiti sendiri sebagai usaha menyisipkan unsur kewanitaan dalam rekaannya. – Foto ihsan IZZATURRUSYDA SIMATUPANG

KEMAHIRAN reka bentuk yang dimiliki Cik Izzaturrusyda Simatupang membawanya ke pelbagai tempat.

Lulusan Media Baru (Penerbitan dan Reka Bentuk Media) Politeknik Republic (RP) itu pernah bekerja sambil belajar dalam bidang grafik di saluran *CNBC International*.

Kini dalam tahun akhir kursus reka bentuk perhubungan di SIM-RMIT, gadis berusia 21 tahun itu menimba pengalaman di syarikat fesyen tempatan, Lexi Lyla.

Antara tugasnya adalah mengendalikan wadah media sosial syarikat, menyunting gambar dan membahagikan busana fesyen mengikut kumpulan.

Minatnya terhadap dunia fesyen wanita dapat dilihat dengan beliau menghasilkan anting-anting khas bagi pertunjukan *46 Ways* di The Substation hari ini dan esok.

Ketika dihubungi, beliau berkata bahawa minat terhadap perusahaan reka bentuk dengan fokus pada kemahiran grafik bermula sejak di RP.

“Saya bersyukur kerana tidak perlu merungut ingin ke sekolah seperti sesetengah belia sebaya lain kerana minat dalam bidang rekaan.

“Apabila diberi peluang keemasan menjalani program bekerja sambil belajar di *CNBC International*, saya dapati keseronokan bekerja dalam suasana sibuk bilik berita dengan unsur hiburan sedunia menjadi antara isu yang mendapat liputan meluas,” ujarnya.

Beliau beralih daripada bidang sukan di sekolah menengah kepada rekaan kreatif atas galakan ibu bapa.

“Saya mesti bertemankan komputer Macbook bagi menghasilkan suntingan gambar menggunakan software Photoshop dan Illustrator.

“Saya juga gemar menguji ketangkasan dalam bidang lakaran ilustrasi dan pemilihan rupa huruf atau *typeface*,” katanya, yang juga mengajar di sekolah seni lukis kanak-kanak Artary.

Di SIM-RMIT, beliau belajar tentang disiplin, keupayaan berdikari dan bekerja secara berkumpulan.

Sumber inspirasinya datang dari pada pelukis Mexico, mendiang Frida Kahlo de Rivera, yang banyak melalui pasang surut kehidupan dalam usaha memperjuang seni.

Menurutnya, de Rivera, yang meneroka isu identiti, pascapenjajahan, kesaksamaan jantina, kelas dan

BUTIR PERTUNJUKAN

‘46 WAYS’ ialah pertunjukan reka bentuk siswa tahun akhir jurusan reka bentuk perhubungan **SIM-RMIT**.

Bila:
Hari ini dan esok
Di mana:
The Substation, 45 Armenian Street
Masa:
12 tengah hari hingga 7 malam
Masuk percuma

kaum, banyak membuatnya berfikir tentang peranan pelukis mencorak pemikiran masyarakat.

Kini, rancangan jangka panjang Cik Izzaturrusyda adalah meneruskan pengajian ke peringkat sarjana bidang reka bentuk sambil menjalankan kerja grafik dalam sektor hiburan atau bilik berita.

Mengenai anting-anting yang direkanya, beliau berkata:

“Dalam setiap kesempatan menghasilkan projek, saya akan sisipkan unsur kewanitaan, identiti dan keperibadian kaum Hawa sebagai pencetus kesedaran.”